

Maklumat akaun bank Najib dirampas

KUALA LUMPUR 15 April - Sebanyak banyak lapan fail yang mengandungi maklumat perbankan termasuk empat daripadanya milik bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dirampas Bank Negara Malaysia (BNM) sewaktu pengegedahan di Ambank cawangan Jalan Raja Chulan di sini.

Pengurus BNM, Azizul Adzani Abdul Ghafar berkata, baki fail dokumen berkenaan adalah melibatkan tiga fail berkaitan SRC International Sdn. Bhd. dan satu fail berkaitan Syarikat Gandingan Mentari Sdn. Bhd.

Azizul Adzani yang ketika itu dilantik sebagai pegawai pengegedah berkata, fail-fail dokumen berkenaan diperolehi dalam satu pengegedahan yang dilakukan di bank tersebut pada 6 Julai 2015.

"Saya pergi ke bank cawa-

ngan tersebut dengan tiga lagi pegawai BNM bagi membantu siasatan di bawah Akta Pengubahan Wang Haram berhubung obligasi pelaburan.

"Kami berjumpa dengan pengurus cawangan iaitu R. Uma Devi dan memaklumkan secara lisan senarai akaun yang diperlukan bagi tujuan siasatan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Suhaimi Ibrahim pada hari kedua perbicaraan melibatkan Najib berhubung dana SRC International berjumlah RM42 juta.

Saksi kedua pendakwaan itu dalam keterangannya berkata, setelah mendapatkan semua dokumen tersebut, pihaknya telah meneliti dan mencatatkan butiran mengeniannya dalam senarai geledah.